Vicmar (M) Sdn Bhd & satu lagi lwn DCB Finance Bhd (dahulunya dikenali sebagai D & C Finance Bhd)

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO R1–12–87 OF 1997
ABDUL KADIR SULAIMAN H
16 FEBRUARI 1998

Acara Sivil *— Rayuan — Notis rayuan — Notis tidak mematuhi kehendak Borang 140 — Kegagalan untuk menyatakan butir-butir terperinci terhadap keputusan yang dirayu dan sama ada rayuan terhadap keseluruhan keputusan atau sebahagian sahaja — Sama ada notis defektif — Sama ada kehendak A 49 k 6(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 mandatori — Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 49 k 6(2) & Borang 140*

Acara Sivil *— Rayuan — Rekod rayuan — Kemasukan memorandum rayuan ke dalam rekod rayuan — Sama ada bercanggah dengan kehendak A 49 k 6(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 — Sama ada rekod rayuan defektif — Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 49 k 6(3)*

Penentang telah diberi kebebasan oleh mahkamah sesyen untuk memasukkan penghakiman muktamad di bawah A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR') terhadap perayu-perayu. Juga diperintahkan bahawa tuntutan balas perayu-perayu dibatalkan. Perayu-perayu telah memfailkan satu notis rayuan di atas alasan bahawa permohonan penentang itu harus ditolak kerana terdapat isu-isu yang harus dibicarakan. Rekod rayuan telah difailkan dan antara kandungannya ialah satu memorandum rayuan. Penentang telah membangkitkan bantahan awal iaitu: (i) notis rayuan adalah defektif kerana gagal mengikut format dan bentuk Borang 140 di bawah A 49 k 6(2) KMR; (ii) kemasukan memorandum rayuan ke dalam rekod rayuan bercanggah dengan kehendak A 49 k 6(3) KMR; dan (iii) rekod rayuan defektif dan tidak lengkap kerana semasa memfailkan rekod rayuan perayu-perayu telah ketinggalan untuk memasukkan ke dalamnya kehendak k 6(3)(a) iaitu 'permohonan bagi keputusan'.

Diputuskan, membenarkan bantahan permulaan dan menolak rayuan:

(1) Kaedah 6(2) KMR menggunakan perkataan 'hendaklah' yang menunjukkan bahawa kehendak peruntukan tersebut adalah wajib dipatuhi agar satu-satu notis rayuan itu tidak menjadi cacat. Kaedah berkenaan menghendaki notis rayuan dalam Borang 140 digunakan. Tetapi di dalam notis rayuan perayu-perayu ini, kehendak yang ditetapkan di dalam Borang 140 itu telah tidak dipatuhi dari segi bentuk dan isinya. Ini adalah kerana notis rayuan yang difailkan oleh perayu-perayu tidak menyebut butir-butir yang terperinci terhadap keputusan yang ia tidak puas hati itu dan juga tidak menyatakan sama ada rayuan mereka itu adalah terhadap keseluruhan keputusan tersebut atau hanya terhadap sebahagiannya sahaja. Sebaliknya perayu-perayu telah

memberi alasan untuk mereka merayu dengan menyebut bahawa 'permohonan penentang/plaintif di bawah A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 harus ditolak kerana terdapat isu-isu yang harus dibicarakan'. Alasan ini bukannya merupakan butir-butir terperinci keputusan mahkamah sesyen tersebut. Maka notis rayuan perayu-perayu adalah cacat kerana mereka tidak mematuhi kehendak mandatori k 6(2). Di atas alasan ini sahaja, rayuan mereka perlu ditolak (lihat ms 614I dan 615A–E); *Mat Yassin bin Dollah v Ibrahim bin Hussin & Anor* [1997] 2 MLJ 681 diikut.

(2) Memang benar A 49 k 6(3) tidak memerlukan memorandum rayuan terhadap rayuan di bawah k 6 ini tetapi dengan memasukkannya juga tidak menjadikan rekod berkenaan cacat kerana apa yang dimasukkan itu adalah berlebihan dari apa yang diperlukan dan bukan berkurangan dari apa yang diperlukan sebagai rekod rayuan seperti yang tertera pada butiran (a) hingga (d) kepada k 6(3) itu. Tanpa membekalkan mana-mana dari butiran (a) hingga (d) tersebut akan menjadikan rekod rayuan itu cacat (lihat ms 615F–H).

(3) Kehendak k 6(3)(a) iaitu 'permohonan bagi keputusan' terdapat di dalam rekod rayuan. Keputusan mahkamah sesyen dibuat berdasarkan notis permohonan penentang yang terdapat di dalam rekod rayuan. Oleh yang demikian, jika notis rayuan adalah teratur, maka rekod rayuan perayu-perayu juga adalah teratur. Tetapi setelah diputuskan bahawa notis rayuan adalah defektif, maka bantahan awal penentang adalah diterima dan dengan ini rayuan ini telah tidak sempurna dibawa oleh perayu-perayu kerana notis rayuan adalah defektif disebabkan tidak mematuhi kehendak mandatori peruntukan A 49 k 6(2) KMR. Dengan yang demikian, rayuan ini terpaksa ditolak tanpa keperluan meneliti ke atas meritnya (lihat ms 615I dan 616A–B).

[English summary

The respondent had been granted liberty by the sessions court to enter final judgment under O 26A of the Rules of the Subordinate Court 1980 ('the SCR') against the appellants. It was also ordered that the appellants' cross-claim be struck out. The appellants had filed a notice of appeal on the ground that the respondent's application ought to be dismissed since there were issues to be tried. The record of appeal had been filed and among its contents was a memorandum of appeal. The respondent had raised preliminary objections, ie: (i) the notice of appeal was defective because it failed to comply with the format and layout of Form 140 under O 49 r 6(2) of the SCR; (ii) the inclusion of the memorandum of appeal into the record of appeal was contrary to the requirement of O 49 r 6(3) of the SCR; and (iii) the record of appeal was defective and incomplete because in the course of filing the record of appeal the appellants had omitted to include the requirement of r 6(3)(a) namely 'the application for the decision'.

Held, allowing the preliminary objection and dismissing the appeal:

(1) Rule 6(2) of the SCR uses the word 'shall' which indicates that the requirements of the provision have to be complied with compulsorily so that the notice of appeal does not become defective. The rule in question requires the notice of appeal in Form 140 to be used. But in the appellants' notice of appeal, the requirement stipulated in Form 140 had not been complied with in form and content. This was because the notice of appeal filed by the appellants made no mention of particulars against the decision with which it was dissatisfied and it also did not state whether their appeal was against the entire decision or only against a portion of it. Instead the appellants had given their ground of appeal by stating that 'the respondent/plaintiff's application under O 26A of the Subordinate Courts Rules 1980 ought to be dismissed because there were issues to be tried'. This ground did not constitute the particulars of the decision of the sessions court. Therefore, the appellants' notice of appeal was defective because it did not comply with the mandatory requirement of r 6(2). On this ground alone, their appeal had to be dismissed (see pp 614I and 615A–E); *Mat Yassin bin Dollah v Ibrahim bin Hussin & Anor* [1997] 2 MLJ 681 followed.

(2) It was true that O 49 r 6(3) does not require a memorandum of appeal against an appeal under r 6 but by its inclusion it did not also render the record in question defective because what was entered exceeded what was required and did not fall short of what was required as a record of appeal as imprinted on particulars (a) to (d) of r 6(3). Failure to supply any of the particulars from (a) to (d) would render the record of appeal defective (see p 615F–H).

(3) The requirement of r 6(3)(a) ie 'the application for the decision' may be found in the record of appeal. The decision of the sessions court was made based on the respondent's notice of application which is found in the record of appeal. Therefore, if the notice of appeal was in order, then the appellants' record of appeal was also in order. But having decided that the notice of appeal was defective, then the respondent's preliminary objection was accepted and therefore this appeal had not been properly brought by the appellants because the notice of appeal was defective since it did not comply with the mandatory requirement of O 49 r 6(2) of the SCR. Accordingly, this appeal was dismissed without need to scrutinize it on merit (see pp 615I and 616A–B).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai notis rayuan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 567–602 dan 699.

Untuk kes-kes mengenai rekod rayuan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 624–636.

Kes yang dirujuk

Mat Yassin bin Dollah v Ibrahim bin Hussin & Anor [1997] 2 MLJ 681 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 14 k 21, A 26A, A 49 k 6

Wu Tern Yue (*Wu & Co*) bagi pihak perayu-perayu.

Kingston TK Tan (*Hooi You Meng* bersamanya) (*Tunku Mukhrizah & Partners*) bagi pihak penentang.

Cur Adv Vult

Abdul Kadir Sulaiman H: Pada 13 Disember 1995, satu saman telah dikeluarkan oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur di dalam Guaman Sivil No 52–5295–1995 di mana penentang sebagai plaintif telah membuat tuntutan sebanyak RM47,767.15 daripada perayu-perayu di atas kemungkiran perayu pertama mematuhi perjanjian sewa beli bertarikh 17 Februari 1995 di antara penentang dan perayu pertama di mana dikatakan bahawa perayu pertama telah tidak membayar sebarang ansuran bulanan kepada penentang setelah memiliki barangan yang disewa beli itu, dan juga kerana perayu pertama telah melepaskan milikan barangan tersebut dan membenarkan ianya digunakan oleh pihak ketiga tanpa persetujuan bertulis dari penentang. Perayu kedua sebagai penghutang prinsipal dan bukan setakat seorang penjamin bertanggungan melalui satu jaminan yang bertarikh 17 Februari 1995 untuk menjamin pembayaran semua jumlah yang terhutang oleh perayu pertama kepada penentang di bawah perjanjian sewa beli tersebut dan atas akujanji untuk menanggung rugi penentang yang ditanggung akibat daripada kegagalan dan kecuaian perayu pertama di dalam mematuhi terma-terma perjanjian tersebut.

Melalui pernyataan pembelaan, kedua-dua perayu telah menafikan tuntutan penentang dengan menyalahkan penentang di atas kelewatan penentang menghantar agennya ke Kuantan, di mana barangan tersebut dikatakan telah disimpan, untuk penentang menarik balik barangan tersebut. Pemberitahu kepada penentang itu berlaku pada akhir bulan Jun 1995 atau awal bulan Julai 1995 melalui surat dan percakapan telefon. Tetapi penentang hanya telah menghantar agennya pada 2 Ogos 1995 ke sana. Akibat kelewatan tersebut kecurian ke atas sebahagian besar barangan berkenaan telah berlaku pada 21 Julai 1995. Oleh itu penentang tidak lagi berhak kepada apa-apa ganti rugi daripada kedua-dua perayu tetapi sebaliknya telah mengakibatkan kerugian kepada perayu pertama. Kedua-dua perayu dengan demikian telah menuntut balas dari penentang di atas kerugian yang mereka tanggung itu yang jumlahnya akan ditaksir oleh mahkamah serta faedah dan kos. Penentang telah menafikan tuntutan balas perayu-perayu itu.

Pada 24 April 1996, penentang telah membuat permohonan memohon kebebasan untuk mendapatkan penghakiman muktamad terhadap kedua perayu di bawah A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR 1980'). Juga dipohon supaya tuntutan balas perayu-perayu dibatalkan atas alasan ianya mengaibkan, remeh atau menyusahkan atau ia mungkin menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan penentang itu dengan adil. Alasan yang diberi ialah bahawa perayu-perayu tidak mempunyai sebarang pembelaan terhadap tuntutan penentang itu. Perlu diambil ingat bahawa permohonan yang kedua yang dipohon oleh penentang adalah merupakan jenis permohonan seperti yang diperuntukkan di bawah A 14 k 21 KMR 1980 itu.

Permohonan penentang ini disokong oleh afidavit Lim Tuan Yoke, pengurus penentang. Ia mengemukakan ek s LTY-2 sebagai bukti bahawa barang-barang tersebut di atas pengakuan perayu pertama sendiri sebenarnya telah dipindahmilik oleh perayu pertama kepada pihak ketiga yang bercanggah dengan peruntukan klausa 4(c) perjanjian yang berbunyi:

> 4 The hirer agrees:
>
> (c) Not (without the owner's consent in writing) to sell, assign, transfer pledge, mortgage, underlet or otherwise deal with or part with possession of the goods or any interest therein or the option to purchase or the benefit of the agreement nor to conceal the goods or attempt to do so.

Ekshibit LTY-2, iaitu surat perayu kepada penentang bertarikh 12 Julai 1995 berbunyi seperti berikut:

> DCB FINANCE BERHAD
> 41, Jalan Hang Lekiu,
> 50100 Kuala Lumpur.
>
> Attn: Ms Lim/Mr Stefan Wong
> Agreement No 1–12652-D1
>
> We refer to our conversation with you and hereby inform you that the above equipment is used by third party. Please proceed with whatever necessary action which deem fit if there is a breach of the above agreement.
>
> Thank you.
>
> Yours faithfully,
> VICMAR (M) SDN BHD
>
> .....
> sgd: TAN LAI HANG

Kedua-dua perayu telah memfailkan afidavit jawapan yang diikrarkan oleh Tan Lai Hang selaku defendan kedua dan pengarah defendan pertama. Perjanjian sewa beli dan terma-terma serta syarat-syarat yang terkandung di dalamnya serta juga jaminan bertarikh 17 Februari 1995 yang ditandatangani oleh perayu kedua menjamin tanggungan perayu pertama kepada penentang tidak dipertikaikan. Perayu pertama memang sanggup

dan berkebolehan untuk membayar ansuran-ansuran mengikut perjanjian tetapi penentang telahpun mengambilmilik semula barangan tersebut sejak Jun atau Julai 1995 lagi setelah penentang telah diberitahu tempat simpanan barangan tersebut dan kunci rumah tersebut pun telah diserah kepada penentang dengan arahan untuk menarik balik barangan tersebut. Tetapi penentang telah gagal berbuat demikian sehingga 2 Ogos 1995 sehingga barangan tersebut dicuri orang pada 21 Julai 1995. Dengan demikian kedua-dua perayu tidak lagi tertanggung kepada penentang di atas perjanjian sewa beli tersebut dan mereka mempunyai satu pembelaan yang bona fide dan juga satu tuntutan balas untuk ganti rugi di atas kecuaian penentang.

Permohonan penentang itu telah didengar di mahkamah sesyen dan mengikut perintah bertarikh 10 Mac 1997, penghakiman dilafazkan. Penentang diberi kebebasan untuk memasukkan penghakiman muktamad di bawah A 26A KMR 1980 terhadap kedua-dua perayu seperti yang dituntut oleh penentang di dalam samannya itu. Juga diperintahkan bahawa tuntutan balas kedua-dua perayu bertarikh 12 April 1996 dibatalkan atas alasan bahawa ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan atau ia mungkin menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan ini dengan adil. Jadi terdapat dua perintah yang dibuat oleh mahkamah pada 10 Mac 1997 iaitu pertama, perintah membenarkan penentang memasukkan penghakiman muktamad dan kedua, perintah membatalkan tuntutan balas kedua-dua perayu. Pada hari yang sama, mengikut penghakiman mahkamah berasaskan kebebasan yang diberi kepada penentang itu, mahkamah telah menghakimi bahawa kedua-dua perayu hendaklah membayar kepada penentang secara bersama dan/atau berasingan jumlah sebanyak tuntutan penentang itu dan juga dihakimi bahawa tuntutan balas kedua-dua perayu yang tersebut itu dibatalkan dengan kos.

Pada 24 Mac 1997, kedua-dua perayu telah memfailkan satu notis rayuan di atas alasan bahawa permohonan penentang di bawah A 26A KMR 1980 itu harus ditolak kerana terdapat isu-isu yang harus dibicarakan. Jadi adalah nyata dari isi notis rayuan tersebut bahawa kedua-dua perayu hanya terkilan terhadap keputusan mahkamah sesyen memberi kebebasan untuk penentang memasukkan penghakiman muktamad terhadap mereka berdua berhubung dengan tuntutan penentang itu. Mereka tidak berhasrat untuk merayu terhadap keputusan mahkamah tersebut membatalkan tuntutan balas mereka mengikut peruntukan A 14 k 21 KMR 1980. Pada 15 April 1997, perayu-perayu telah memfailkan rekod rayuan. Antara kandungannya ialah satu memorandum rayuan. Perlu diambil ingatan bahawa keputusan yang dibuat oleh hakim mahkamah sesyen berkenaan merupakan satu keputusan yang dibuat selain daripada keputusan yang dibuat selepas perbicaraan. Prosedur untuk rayuan terhadap keputusan yang sedemikian adalah seperti yang diperuntukkan oleh A 49 k 6 KMR 1980 yang berkuatkuasa mulai 1 Ogos 1993 di mana notis prosedur untuk rayuan perayu-perayu ini adalah tertakluk kepadanya.

Di dalam pendengaran rayuan itu, pihak-pihak telah bersetuju supaya hujah dilakukan secara bertulis. Pada 6 Oktober 1997, mahkamah dimaklumkan oleh peguam perayu-perayu bahawa hujahan bertulis oleh pihak perayu dan pihak penentang telahpun dikemukakan tetapi perayu

yang telah diberi masa sehingga 15 September 1997 untuk menyerah hujahan balas terakhir sehingga tarikh tersebut masih belum dapat berbuat demikian kerana memerlukan masa untuk membuat penyemakan di bawah Akta Sewa Beli 1967 dan Akta Kontrak 1950. Peguam meminta diberi masa lanjutan selama dua minggu lagi dari tarikh 6 Oktober 1997 untuk berbuat demikian. Walaupun dibantah oleh peguam penentang, mahkamah menggunakan budi bicaranya telah memberi masa sehingga 20 Oktober 1997 untuk menyerahkan hujahan terakhir itu. Mahkamah juga telah memberi masa kepada penentang hingga 27 Oktober 1997 untuk membuat hujahan balas jika ada perkara baru yang dibangkitkan oleh perayu di dalam hujahan akhirnya itu. Mahkamah telah menetapkan 16 Februari 1998 untuk keputusan terhadap rayuan perayu-perayu ini. Malangnya sehingga tarikh keputusan ini ditulis, peguam perayu masih tidak menyerahkan hujahan akhirnya yang sepatutnya telah diserahkan pada 20 Oktober 1997 seperti yang dipohon olehnya itu. Dengan demikian, keputusan ini dibuat berasaskan keterangan dan hujah bertulis yang telah dikemukakan oleh peguam perayu-perayu yang bertarikh 30 Julai 1997 menyokong rayuan yang dibuat dan hujah bertulis yang telah dikemukakan oleh peguam penentang bertarikh 28 Ogos 1997.

Peguam penentang di dalam hujah bertulisnya telah membangkitkan bantahan awal terhadap notis rayuan dan rekod rayuan yang telah difailkan oleh perayu-perayu bagi maksud rayuan ini. Bantahan terhadap notis rayuan ialah bahawa ianya defektif kerana pada amnya gagal mengikut format dan bentuk Borang 140 di bawah A 49 k 6(2) KMR 1980 yang memperuntukkan bahawa rayuan hendaklah dibawa dengan memfailkan suatu notis rayuan dalam Borang 140. Tetapi notis rayuan yang difailkan itu langsung tidak mematuhi format dan bentuk yang ditentukan di dalam borang tersebut. Sememangnya jika dibandingkan notis rayuan yang telah difailkan dengan format dan bentuk yang ditentukan oleh kaedah adalah amat berbeza sekali. Saya tidak dapat menimbang hujah balas dari peguam perayu-perayu di atas isu yang dibangkitkan oleh peguam penentang itu disebabkan ketiadaan hujah terakhir bertulis yang telah dikemukakan oleh peguam perayu-perayu seperti yang dinyatakan di atas tadi itu. Peguam penentang menghujah bahawa kehendak A 49 k 6(2) KMR 1980 adalah yang diwajibkan dengan merujuk kepada kes *Mat Yassin bin Dollah v Ibrahim bin Hussin & Anor* [1997] 2 MLJ 681 berhubungan dengan kehendak A 49 k 3A(1) KMR 1980 yang memutuskan bahawa peruntukan tersebut adalah peruntukan yang wajib dengan digunakan perkataan 'hendaklah'. Oleh yang demikian, dengan tidak menyertakan butir-butir yang dikehendaki di bawah peruntukan tersebut menyebabkan rekod rayuan itu menjadi cacat. Saya setuju dengan pandangan mahkamah sedemikian dan walaupun kes itu tidak secara langsung berhubungan dengan A 49 k 6(2) tetapi prinsip yang serupa adalah terpakai. Kaedah 6(2) juga menggunakan perkataan 'hendaklah' yang menunjukkan bahawa kehendak peruntukan tersebut adalah yang wajib dipatuhi agar satu-satu notis rayuan itu tidak menjadi cacat. Kaedah berkenaan menghendaki notis rayuan dalam Borang 140 digunakan. Tetapi di dalam notis rayuan perayu-perayu ini kehendak yang ditetapkan di dalam Borang 140 itu telah tidak

dipatuhi pada segi bentuk dan isinya. Borang 140 menghendaki perayu menyatakan butir-butir yang terperinci terhadap keputusan yang ia tidak puas hati itu dan juga menyatakan sama ada rayuannya itu terhadap keseluruhan keputusan tersebut atau hanya terhadap sebahagiannya sahaja daripada keputusan itu. Tetapi di dalam hal notis rayuan yang telah difailkan oleh perayu-perayu ini, mereka hanya menyatakan bahawa mereka merayu terhadap keputusan mahkamah sesyen pada 10 Mac 1997 tanpa menyebut butir-butir yang terperinci terhadap keputusan yang ia tidak puas hati itu kerana seperti yang saya nyatakan tadi mahkamah sesyen sebenarnya telah membuat dua jenis keputusan. Pertama, di bawah A 26A dan kedua, di bawah A 14 k 21 KMR 1980. Juga perayu-perayu di sini tidak menyatakan sama ada rayuan mereka itu adalah terhadap keseluruhan keputusan tersebut atau hanya terhadap sebahagiannya sahaja daripada keputusan itu. Sebaliknya perayu-perayu telah memberi alasan untuk mereka merayu dengan menyebut bahawa 'permohonan penentang/plaintif di bawah A 26A Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 harus ditolak kerana terdapat isu-isu yang harus dibicarakan'. Alasan ini bukannya merupakan butir-butir terperinci keputusan mahkamah sesyen tersebut. Maka dengan yang demikian saya terima hujah peguam penentang bahawa notis rayuan perayu-perayu adalah cacat dan dengan yang demikian mereka telah tidak mematuhi kehendak mandatori k 6(2) supaya boleh dikatakan bahawa proses awalan mereka untuk membuat rayuan adalah teratur dan rayuan itu adalah dengan sempurna dibawa. Di atas alasan ini sahaja rayuan mereka perlu ditolak.

Peguam penentang juga membantah di atas kemasukan memorandum rayuan ke dalam rekod rayuan yang difailkan pada 15 April 1997 itu seperti yang terdapat pada ms 6 dan 7 rekod berkenaan. Ini pada pendapat peguam adalah bercanggah dengan kehendak A 49 k 6(3). Kaedah tersebut dengan jelas dan nyata menyatakan bahawa rekod rayuan tidak termasuk antara lain, apa-apa memorandum rayuan. Dengan memasukkan memorandum rayuan ke dalam rekod rayuan mereka, peguam penentang berhujah bahawa mereka telah tidak mematuhi kehendak k 6(3) tersebut dan dengan yang demikian rekod tersebut adalah cacat. Memang benar kaedah berkenaan tidak memerlukan memorandum rayuan terhadap rayuan di bawah k 6 ini tetapi pada pandangan saya dengan memasukkannya juga tidak menjadikan rekod berkenaan cacat kerana apa yang dimasukkan itu adalah berlebihan dari apa yang diperlukan dan bukan berkurangan dari apa yang diperlukan sebagai rekod rayuan seperti yang tertera pada butiran (a) hingga (d) kepada k 6(3) itu. Tanpa membekalkan mana-mana dari butiran (a) hingga (d) tersebut akan menjadikan rekod rayuan itu cacat. Oleh yang demikian alasan ini tidak dapat saya terima.

Akhirnya, bagi menyokong bantahan awalnya, peguam berhujah bahawa rekod rayuan perayu-perayu adalah defektif dan tidak lengkap kerana semasa memfailkan rekod rayuan pada 15 April 1997, perayu-perayu telah ketinggalan untuk memasukkan ke dalamnya kehendak k 6(3)(a) iaitu 'permohonan bagi keputusan'. Alasan ini juga tidak boleh diterima kerana ianya ada terdapat di dalam rekod rayuan berkenaan di ms 22 dan 23 rekod rayuan. Keputusan mahkamah sesyen dibuat adalah

berdasarkan notis permohonan penentang yang terdapat di muka surat tersebut itu. Oleh yang demikian, jika notis rayuan adalah teratur, maka rekod rayuan perayu-perayu juga adalah teratur. Tetapi setelah diputuskan bahawa notis rayuan adalah defektif, maka bantahan awal penentang adalah diterima dan dengan ini saya berkeputusan bahawa rayuan ini telah tidak sempurna dibawa oleh perayu-perayu kerana notis rayuan adalah defektif disebabkan tidak mematuhi kehendak mandatori peruntukan A 49 k 6(2) KMR 1980. Dengan yang demikian, rayuan ini terpaksa ditolak tanpa keperluan saya meneliti ke atas meritnya.

Rayuan ditolak dengan kos kepada penentang.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar